

SOALAN NO: 35

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali
[Sipitang]**

TARIKH : 26 Julai 2017 (Rabu)

**SOALAN : Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

kualiti beras yang diimport untuk pasaran tempatan dan adakah ia melalui pemeriksaan kualiti sebelum diedar kepada pemborong dan pengilang, dan apakah langkah diambil bagi memastikan 'tiada beras plastik' dalam pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Semua beras yang diimport ke dalam negara perlu melalui proses pemeriksaan kualiti yang rapi iaitu:

- i. Pemeriksaan dan pengesahan kualiti bijirin mengikut piawaian yang ditetapkan bermula daripada beras dikeluarkan di kilang negara pengeksport sebelum dimuat naik ke kapal;
- ii. Pemeriksaan Kawalan Kualiti apabila bekalan beras sampai ke pelabuhan negara; dan
- iii. Beras yang sudah diperiksa dan dianalisis kemudiannya ditauliahkan Sijil Pengesahan Kualiti dan Spesifikasi sebagai jaminan sebelum ia dikampit semula oleh pemborong tempatan dan seterusnya dipasarkan di pasaran tempatan.

Sehingga kini tiada beras plastik dalam pasaran. Kementerian bekerjasama dengan Jabatan Kimia Malaysia bagi memastikan tiada kandungan plastik atau bendasing, dan beras disahkan sebagai tulen.